

# BULETIN EKSA

27 Julai 2020

# KOLEJ KOMUNITI KOTA MARUDU



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



CEKAP, BERSATU, KONDUSIF

EDISI 1 / 2020  
JAWATANKUASA PROMOSI EKSA

# Covid-19: NORMA BARU DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Pada awal bulan Februari 2020, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaporkan kes pertama jangkitan covid-19 melibatkan warga Malaysia. Semenjak itu, jumlah peningkatan kes covid 19 di negara ini telah naik dengan mendadak sekali. Pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai perintah kawalan yang telah menyebabkan pelbagai sektor dan industri terpaksa tutup daripada beroperasi. Selepas beberapa bulan perintah kawalan semakin dilonggarkan banyak norma baru yang terpaksa dipatuhi oleh seluruh rakyat Malaysia dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Dibawah pemantauan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM pelbagai pelan keselamatan telah dirangka bagi mencegah penyebaran virus ini, antaranya ialah melaksanakan penjarakan sosial, langkah kerap membasuh tangan, memakai penutup muka di kawasan tinggi risiko jangkitan, elakkan daripada berada dikawasan yang sesak dengan pengunjung dan mengurangkan aktiviti luar. Semua perkara dalam pelan keselamatan ini telah menjadi norma baru kehidupan sehari-hari yang harus diamalkan di seluruh negara.

Pihak kerajaan juga telah memperkenalkan aplikasi ‘MySejahtera’ yang digunakan bagi menyimpan data pengguna diseluruh Malaysia. Melalui aplikasi ini data mengenai kesihatan dan keberadaan pengguna dapat disusun dan dijejak dengan mudah oleh pihak kerajaan. Dengan kadar pengurangan kes yang tinggi dari masa ke semasa, Malaysia telah diiktiraf sebagai sebuah negara yang telah berjaya mengekang penyebaran virus ini dengan lebih meluas.



**Gambar 1:** Keadaan sekitar sempena perintah kawalan dijalankan diseluruh negara.

# GOTONG ROYONG PEMATUHAN S.O.P WARGA KKKMS

25 Jun, Kota Marudu: Pihak warga Kolej Komuniti Kota Marudu Sabah (KKKMS) telah mengadakan program gotong royong dan bengkel pengurusan Standard Operating Procedure (SOP) akademik bagi persediaan menghadapi semester baru perkuliahan iaitu bagi sesi Jun 2020 yang dijangka akan bermula pada bulan Ogos. Encik Jamaluddin Bin Lantara selaku Ketua Jabatan di KKKMS telah mengetuai semua warga KKKMS dalam menjayakan program pada hari tersebut. Antara kawasan yang telah menjadi sasaran untuk pematuhan SOP dilaksanakan adalah seperti di bilik kuliah, bengkel, makmal, kawasan kerja pejabat, dewan mesyuarat dan pantry. Hasil daripada gotong royong amalan pematuhan ini, satu pendekatan baru dalam memastikan kawasan belajar dan kawasan kerja menjadi lebih teratur dan bersih dapat diwujudkan bagi keselesaan semua warga KKKMS.



**Gambar 2:** Program gotong royong dan bengkel pengurusan S.O.P akademik.

## LANGKAH MEMBUDAYAKAN TEMPAT KERJA SIHAT

### ***Kenalpasti***

Majikan anda hendaklah mengenalpasti secara sistematik semua perkara merbahaya di tempat kerja. Pekerja hendaklah diberitahu tentang semua bahaya mereka didedahkan kepada di tempat kerja, atau bahaya yang mungkin disebabkan oleh mereka ketika bekerja.

### ***Pengasingan***

Kadang kala adalah sukar untuk menyingkirkan semua bahaya besar di tempat kerja. Dalam kes ini, majikan hendaklah mengasingkannya. Ini bermaksud mengasingkan pekerja dari bahaya. Contohnya : meletakkan mesin yang berbunyi kuat di bilik berasingan. Sekiranya lantai licin, letakkan tanda amaran licin sehingga perkara tersebut diselesaikan.

### ***Latihan***

Mengikut undang-undang, majikan wajib memberi latihan agar pekerja boleh menjalankan tugas dengan selamat.

### ***Penyingkiran***

Setelah bahaya dikenalpasti, majikan perlu mengambil langkah-langkah untuk menyingkirkan bahaya-bahaya besar dari tempat kerja. Misalnya : menggantikan wayar elektrik yang berjurai, membaiki tangga yang rosak.

### ***Pengurangan***

Ada masanya sesuatu yang merbahaya tidak dapat dielakkan. Bahaya yang sukar disingkirkan atau diasingkan perlu dikurangkan sebanyak mungkin. Contohnya menggunakan pelindung telinga untuk mengurangkan risiko kerosakan pendengaran.